

16.5.6 Adalah diingatkan bahawa amalan mendapatkan tandatangan kontraktor sebelum Perakuan Muktamad dan Arahan Perubahan Kerja / Pelarasan Harga Kontrak berkenaan diluluskan bukanlah merupakan satu syarat yang ditetapkan di bawah Kontrak. Bagi mengelakkan kelewatan yang mungkin timbul daripada amalan ini, tempoh masa untuk kontraktor mengembalikan Perakuan berkaitan hendaklah dihadkan kepada empat belas (14) hari dari Arahan Perubahan Kerja / Pelarasan Harga Kontrak dan tiga puluh (30) hari bagi Perakuan Muktamad. Sekiranya Kontraktor gagal berbuat demikian, tindakan meluluskan perakuan-perakuan tersebut hendaklah diteruskan tanpa tandatangan kontraktor.⁷

16.5.7 Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad bukanlah dokumen terakhir yang perlu disediakan berhubung dengan pentadbiran Kontrak. Dua dokumen lain perlu disediakan seperti berikut:

- (a) Laporan Siap Kerja, dan Laporan Prestasi Kontraktor (Borang JKR 8-Pin 1/2005) yang diperlukan bukan sahaja untuk melaporkan penyiapan Kerja tetapi juga untuk melaporkan prestasi Kontraktor.
- (b) Cabutan Butiran Seperti Yang Disiapkan (ACDA) (rujuk Bab 4-Lampiran 4D) yang diperlukan untuk mengadakan rekod kos muktamad Kerja.

⁷ Surat Arahan KPKR Bil. (26) dlm. JKR.KPKR.020. 050/03 Klt. 3 bertarikh 30.11.99